

05 APR 1996

Annuar-UMNO

USUL UNDI TIDAK PERCAYA UMNO RANTAU PANJANG SELESAI

SUNGAI PETANI, 4 April (Bernama) -- Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan, Datuk Annuar Musa hari ini berkata pergolakan yang berlaku dalam UMNO bahagian Rantau Panjang yang membuat usul undi tidak percaya terhadap ketuanya telah ditamatkan secara kekeluargaan.

Beliau berkata, pertemuan empat pihak malam tadi antara perhubungan UMNO, jawatankuasa siasatan yang diketuai Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Mustapa Mohamed, Ketua Bahagian Mohd Zain Ismail dan Anggota Jawatankuasa (AJK) yang membuat usul itu, telah mencapai dua kata sepakat.

"Pertama, semua pihak bersetuju dan menerima sepenuhnya pandangan Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa mengadakan undi tidak percaya adalah bertentangan dengan budaya parti.

"Keduanya semua pihak terbabit bersetuju berdamai mengikut satu kaedah yang akan ditetapkan oleh badan perhubungan," katanya kepada pemberita di sini.

Annuar yang juga Menteri Pembangunan Luar Bandar berkata, dengan itu soal undi tidak percaya tidak berbangkit lagi malah usul undi tidak percaya yang dibawa itu tidak sah.

Katanya, saya berasa sukacita dengan sikap yang ditunjukkan kedua-dua pihak dan mereka juga menyambut baik hasrat menyelesaikan perkara itu dalam suasana kekeluargaan.

Bagaimanapun, Annuar berkata daripada laporan yang dikemukakan oleh jawatankuasa penyiasat, badan perhubungan mendapati ada masalah tertentu di bahagian itu yang perlu dipandang serius.

"Kita akan mengambil langkah susulan untuk mengatasi masalah ini," katanya.

Sekumpulan AJK bahagian itu bulan lepas membuat usul undi tidak percaya terhadap ketuanya dengan mendakwa beliau membantu calon bebas pada pilihan raya lepas.

Dr Mahathir selaku Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan ketika diminta mengulas perkara itu kemudian menegaskan UMNO tidak menyokong sebarang usaha untuk menggulingkan mana-mana ketua bahagian dengan undi tidak percaya, sebaliknya sebarang masalah harus dirujuk kepada Majlis Tertinggi.

Annuar juga berkata, bagi soal yang berkait dengan disiplin parti mesyuarat malam tadi bersetuju bahawa soal itu bukan dalam bidang kuasa perhubungan negeri tetapi ia harus dirujuk kepada Jawatankuasa Disiplin Parti di peringkat pusat. -- BERNAMA

MZM NMO